

LAPORAN PEMERKASAAN KERTAS KERJA UNIMAS:

**PRASARANA, PERKHIDMATAN DAN
KELESTARIAN KEWANGAN**

Disunting oleh:

**Mazdan Ali Amaran
Al Khalid Othman
Mohd Amin Mohd Ismail
Abang Izhar Abang Ahmad
Inson Din**

LAPORAN PEMERKASAAN
KERTAS KERJA UNIMAS:
PRASARANA,
PERKHIDMATAN DAN
KELESTARIAN KEWANGAN

LAPORAN PEMERKASAAN
KERTAS KERJA UNIMAS:
PRASARANA,
PERKHIDMATAN DAN
KELESTARIAN KEWANGAN

DISUNTING OLEH:
MAZDAN ALI AMARAN
AL-KHALID OTHMAN
MOHD AMIN MOHD ISMAIL
ABANG IZHAR ABANG AHMAD
INSON DIN

© UNIMAS Publisher, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the publisher.

Published in Malaysia by
UNIMAS Publisher, Universiti
Malaysia Sarawak, 94300 Kota
Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Printed in Malaysia by

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

ISI KANDUNGAN

Senarai Gambar Rajah	ii
Prakata	iii
Pendahuluan	v
Senarai Singkatan	viii
KERTAS KERJA 1	1
Penjanaan Pendapatan Melalui Peningkatan Kapasiti Kolej Kediaman Di UNIMAS	1
KERTAS KERJA 2	17
Program Buddy System Sebagai Modus Operandi Dalam Memperkasa Kesejahteraan Mahasiswa Di Kolej Kediaman UNIMAS	17
KERTAS KERJA 3	28
Anjakan Lestari Perubahan Non-Residen (NR) UNIMAS	28
KERTAS KERJA 4	45
ISKANDAR: <i>Information System For College And Non-Resident Delivery Action Response</i> : Pembangunan Sistem Integrasi Aduan Kolej	45

KERTAS KERJA 1

Penjanaan Pendapatan Melalui Peningkatan Kapasiti Kolej Kediaman Di UNIMAS

Mazdan Ali Amaran^{1*}, Azeemah Ahmad², Bong Azmir Hat @ Bong Hata³, Eleanor Kelokok⁴ & Zubaidah Abdul Ghani⁵

¹ Pengetua Kolej Kediaman Bunga Raya dan Tun Ahmad Zaidi

² Pengarah, Pusat Khidmat Pelajar

³ Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Khidmat Pelajar

⁴ Penolong Pengurus Asrama Kanan, Pusat Khidmat Pelajar

⁵ Timbalan Bendahari Kanan, Pejabat Bendahari

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, 94300,
Sarawak

*Email: amazdan@unimas.my

Abstrak


Dalam senario ekonomi semasa, universiti perlu menguruskan pengurangan bajet tahunan daripada kerajaan dan dalam masa yang sama dapat mengekalkan kualiti dan nilai perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar. Kemampanan kewangan universiti adalah penting untuk memastikan peranan dan tanggungjawab universiti tidak terjejas. Justeru, universiti mempunyai beberapa strategi kemampanan kewangan melalui penjanaan pendapatan daripada sumber-sumber dalaman. Salah satunya adalah melalui kutipan hasil daripada yuran kolej kediaman. Kolej-kolej kediaman di universiti memainkan peranan penting dalam

menyediakan tempat tinggal yang selesa dan kondusif untuk pelajar. Selain menjadi tempat tinggal, kolej-kolej ini juga mempunyai potensi untuk menghasilkan pendapatan tambahan bagi sesebuah universiti. Sehubungan itu, pengisian kapasiti kolej kediaman adalah penting dalam memastikan universiti mempunyai pendapatan yang stabil di samping menyediakan kediaman yang selesa dan selamat kepada pelajar sepanjang pengajian di universiti. Walau bagaimanapun, usia kolej kediaman UNIMAS yang menjangkau 20 tahun telah menyebabkan pelbagai kerosakan dan penyelenggaraan. Tambahan pula, pemberian peruntukan penyelenggaraan yang semakin menyusut telah menyebabkan keadaan semakin rumit dan menjejaskan kapasiti penuh kolej kediaman. Justeru, kajian ini melihat kepada strategi yang dilaksanakan oleh pihak UNIMAS dalam usaha meningkatkan kapasiti kolej kediaman dan membantu meningkatkan pendapatan universiti. Kaedah analisis data kuantitatif digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi daripada Unit Perumahan Mahasiswa, UNIMAS daripada tahun 2018 sehingga 2023 dan melibatkan 10 kolej kediaman di UNIMAS yang boleh menempatkan lebih 11,000 orang pelajar secara keseluruhannya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pihak UNIMAS telah melaksanakan pelbagai strategi bagi meningkatkan kapasiti kediaman pelajar di semua Kolej Kediaman Pelajar UNIMAS daripada tahun 2018 sehinggalah 2023 seterusnya membantu UNIMAS meningkatkan pendapatan universiti.

Kata Kunci: *Kolej Kediaman, kapasiti kolej, pendapatan universiti, penyelenggaraan*

1.0 Pendahuluan

Universiti mempunyai beberapa sumber penjana pendapatan secara dalaman, salah satu daripada sumber berkenaan ialah yuran kolej kediaman. Sehubungan itu, pengisian kapasiti kolej kediaman adalah penting dalam memastikan universiti mempunyai pendapatan yang stabil serta berterusan dan juga meneruskan usaha untuk menyediakan kolej kediaman yang selesa dan selamat untuk kesejahteraan pelajar sepanjang pengajian mereka di universiti.



Gambar Rajah A: Bilangan Enrolmen Pelajar UNIMAS dari tahun 2019 sehingga 2023

Berdasarkan Gambar Rajah A menunjukkan perbandingan antara jumlah enrolmen pelajar UNIMAS dari tahun 2019 sehingga 2023. Di sini menunjukkan bilangan enrolmen pelajar yang memasuki UNIMAS pada setiap tahun menunjukkan trend peningkatan dan dalam masa yang sama hasrat universiti adalah untuk menyediakan sebanyak mungkin penginapan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, timbul persoalan

bahawa adakah kapasiti boleh guna di kolej kediaman UNIMAS mampu menampung jumlah enrolmen yang semakin meningkat ini dan seterusnya dapat memenuhi hasrat universiti dalam menjana pendapatan.

Mengikut draf garis panduan pelaksanaan dasar penginapan pelajar universiti awam yang dicadangkan oleh Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM), bilangan penghuni yang diberikan kemudahan penginapan tertakluk kepada jenis dan kapasiti serta kemampuan universiti menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pelajar. Minimum 70% pelajar daripada enrolmen pelajar pra-siswazah sepenuh masa disediakan kemudahan penginapan. Mengikut data terkini daripada MAPUM, 71% pelajar mendapat kemudahan kolej kediaman di semua 20 Universiti Awam Awam (UA). Hanya 29% tidak mendapat kemudahan kolej kediaman dan menetap di luar kampus sebagai Non-Residen (NR).

Kapasiti kolej kediaman UNIMAS secara keseluruhan ialah 13,289 yang merangkumi sembilan (9) kolej kediaman dan satu kolej di bawah anak syarikat universiti. Kolej kediaman UNIMAS adalah seperti berikut:

- i. Kolej Tun Ahmad Zaidi;
- ii. Kolej Allamanda
- iii. Kolej Bunga Raya;
- iv. Kolej Cempaka;

- v.Kolej Sakura;
- vi.Kolej Kenanga;
- vii.Kolej Seroja (khusus untuk pelajar pra-universiti);
- vii.Kolej Rafflesia
- viii.Kolej Kasturi (khusus untuk pelajar perubatan)

2.0 Latar Belakang Kajian


Hubungan antara kapasiti kolej kediaman dan pendapatan universiti secara relatifnya mempunyai hubungan yang sangat signifikan. Ini kerana kapasiti kolej kediaman mempengaruhi jumlah pendapatan yang diperolehi oleh universiti daripada yuran penginapan pelajar. Semakin besar kapasiti, semakin banyak bilik yang boleh disewakan kepada pelajar, yang seterusnya meningkatkan pendapatan universiti (Farhi & Saudi, 2019). Menurut Shafie et al. (2014) pula kapasiti kolej kediaman yang mencukupi dapat menarik lebih ramai pelajar untuk tinggal di kolej tersebut. Ini dapat meningkatkan pendapatan universiti melalui yuran penginapan serta peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan lain di kampus. Walaupun kapasiti yang lebih besar mungkin meningkatkan pendapatan, ia juga boleh meningkatkan kos pengurusan dan pemeliharaan kolej kediaman. Perlu ada perbelanjaan tambahan untuk menyediakan tenaga kerja, perkhidmatan, dan penyelenggaraan bagi menjaga kapasiti yang lebih besar. Kapasiti yang mencukupi dan fasiliti yang berkualiti boleh meningkatkan reputasi universiti dan kepuasan pelajar. Pelajar yang tinggal di kolej yang sesuai dengan keperluan

mereka cenderung untuk memberi maklum balas positif dan mungkin berpotensi untuk tinggal di kolej untuk tempoh yang lebih lama, menyumbang kepada pendapatan jangka panjang universiti (Bashir et al., 2012).

Sehingga tahun 2018 di mana kolej kediaman dalam UNIMAS telah pun menjangkau usia 20 tahun, kerosakan dan penyelenggaraan di kolej kediaman dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan semasa. Maka kerosakan yang tidak dapat ditangani kerana kekurangan peruntukan ditangguhkan penyelenggaraannya pada tahun berikutnya. Berikutan situasi ini, kerosakan kian bertambah sehingga menjejaskan kapasiti penuh kolej kediaman. Pada satu masa sekitar 80% sahaja jumlah kapasiti di kolej kediaman boleh dipenuhi berbanding kapasiti sebenar.

Dalam menangani kapasiti yang kian berkurang, UNIMAS telah meluluskan peruntukan khas berjumlah RM 21 juta secara berperingkat untuk melaksanakan penyelenggaraan dan kerja naik taraf secara intensif bagi mempertingkatkan semula kapasiti boleh huni di semua kolej kediaman. Pelbagai projek merangkumi penyelenggaraan sivil dan elektrik, perolehan perabot baharu dan pembangunan kemudahan baharu direncanakan menggunakan peruntukan khas tersebut.

Peratusan Peruntukan Dana Khas RM 21 Juta



Gambar Rajah B: Peratusan Dana Khas RM 21 Juta

Gambar Rajah B menunjukkan agihan peruntukan dana khas RM 21 Juta yang telah diperuntukkan oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak. Peruntukan dana khas sebanyak 23 peratus daripada sejumlah RM 21 Juta telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah UNIMAS pada peringkat pertama manakala baki sebanyak 77 peratus daripada jumlah berkenaan pula pada peringkat kedua.

Berikutan pelaksanaan penyelenggaraan dan kerja naik taraf secara intensif menggunakan peruntukan khas bermula tahun 2018 hingga 2021, hasil tersebut boleh mula dilihat secara positif selepas tempoh keluar daripada wabak COVID-19 sepenuhnya dalam tahun 2022.

3.0 Tujuan Kajian

UNIMAS telah membuat strategi drastik mulai tahun 2018 untuk kerja baik pulih kolej kediaman supaya kapasiti kolej kediaman boleh dipertingkatkan untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi di samping memberi tempat yang lebih banyak kepada pelajar untuk menginap di dalam kampus. Dalam mencapai objektif ini, UNIMAS telah meluluskan peruntukan khas berjumlah sekitar RM 21 juta secara berperingkat untuk baik pulih, penyelenggaraan serta naik taraf kemudahan kolej kediaman merangkumi fasiliti seperti bilik pelajar, kemudahan pembelajaran, kemudahan kafeteria, sukan dan dobi. Selain peruntukan khas UNIMAS turut menambahbaik dasar, prosedur serta sistem penempatan pelajar ke kolej kediaman dalam usaha setiap tempat di kolej kediaman dipenuhi. Justeru, kertas kajian ini akan melihat strategi yang digunakan dalam usaha meningkatkan kapasiti di semua kolej kediaman dalam UNIMAS dan menganalisis impak daripada peningkatan kapasiti kolej kediaman terhadap penjana pendapatan universiti.

4.0 Metodologi Kajian


Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah pengumpulan data sekunder yang diperolehi daripada Unit Penginapan Mahasiswa, Universiti Malaysia Sarawak daripada tahun 2018 - 2023. Kajian ini

melibatkan kesemua 10 kolej kediaman yang terdapat di Universiti Malaysia Sarawak.

Kaedah analisis data yang digunakan adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif bagi mendapat trend strategi yang digunakan oleh pihak UNIMAS dalam meningkatkan kapasiti bilik kediaman pelajar dan dalam masa yang sama memperlihatkan peningkatan dalam pendapatan Universiti hasil daripada strategi yang telah dilaksanakan.


5.0 Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pihak UNIMAS telah melaksanakan pelbagai strategi dan usaha bagi meningkatkan kapasiti bilik kediaman pelajar di semua Kolej Kediaman Pelajar di UNIMAS daripada tahun 2018 sehinggalah 2023. Ini termasuklah strategi penyelenggaraan utiliti, perkhidmatan, bekalan, sivil dan mekanikal dan elektrik di semua kolej kediaman.



Gambar Rajah C: Peratusan Penggunaan Perbelanjaan Kolej Kediaman daripada Sejumlah Peruntukan Khas RM21 Juta

Gambar Rajah C menunjukkan peratusan jumlah penggunaan perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh pihak UNIMAS daripada jumlah peruntukan khas yang diperuntukkan sebanyak RM 21 juta. Gambar Rajah berkenaan jelas menunjukkan pada tahun 2021 kebanyakan peruntukan telah dibelanjakan iaitu 37 peratus daripada RM 21 juta dibelanjakan bagi projek penyelenggaraan dan sokongan kemudahan. Manakala pada tahun 2023 pula, menunjukkan peratusan yang rendah iaitu hanya 6 peratus daripada RM 21 juta dibelanjakan kerana baki daripada jumlah peruntukan yang ada sahaja digunakan sepenuhnya yang menfokuskan kepada projek-projek penyelenggaraan yang dapat meningkatkan kapasiti kolej kediaman UNIMAS berbanding sokongan kemudahan. Seterusnya, Gambar Rajah berikutnya akan menerangkan pecahan perbelanjaan mengikut projek penyelenggaraan dan sokongan kemudahan daripada tahun 2018 sehingga 2023.



Gambar Rajah D: Perbandingan Projek Penyelenggaraan dan Sokongan Kemudahan

Gambar Rajah D menunjukkan pecahan peratusan perbelanjaan mengikut projek penyelenggaraan dan sokongan kemudahan daripada tahun 2018 sehingga 2023. Penyelenggaraan (A) merupakan projek-projek penyelenggaraan yang memberi impak langsung kepada kapasiti kolej. Sebagai contoh, kerja-kerja penyelenggaraan bilik dan apartmen pelajar, projek penggantian pintu bilik pelajar, kerja baik pulih bumbung kolej kediaman, kerja baik pulih perpaipan dan siling bilik dan apartmen pelajar dan bekalan perabot ke kolej kediaman pelajar. Manakala, perbelanjaan sokongan kemudahan (B) merupakan projek-projek/bekalan yang berkaitan dengan sokongan kepada kolej namun tidak memberikan impak secara langsung kepada kapasiti kolej. Antara contoh seperti kafeteria, *upgrading work* (dewan berbumbung di kolej), perkhidmatan kawalan haiwan perosak, tangki septik, mengecat semula

bangunan luar kolej kediaman, penyelenggaraan ruang kemudahan sukan. Pada tahun 2018, fokus perbelanjaan adalah lebih kepada sokongan kemudahan manakala pada tahun 2023 pula, keseluruhan baki daripada peruntukan RM 21 juta berkenaan digunakan sepenuhnya bagi projek penyelenggaraan yang dapat meningkatkan kapasiti kolej kediaman.

Strategi melaksanakan penambahbaikan proses sedia ada dalam menyokong strategi memenuhi 100% *bed available*:

- i. Pelarasan Kalendar Kolej Kediaman Diserahkan Kepada Pusat Khidmat Pelajar.
Pelajar lebih cakna dengan hebahan berkenaan tindakan berkaitan untuk penginapan kolej kediaman.
- ii. Pelaksanaan Kaedah Penginapan Kolej Kediaman Berdasarkan Tempoh Sesi Pengajian.
Permohonan kolej kediaman oleh pelajar hanya perlu dimohon sekali dalam satu sesi berbanding setiap semester sebelum ini. Pengurangan proses melulus di peringkat kolej kediaman boleh mengelakkan pengurangan jumlah penginap pada semester berikutnya.
- iii. Penambahbaikan *College Management System*
Fungsi utama dibangunkan adalah fungsi salin semula data semester 1 untuk semester 2 bagi menyokong pelaksanaan kaedah penginapan kolej kediaman berdasarkan tempoh sesi pengajian.


- iv. Pembangunan Pelan Induk Penyelenggaraan Kolej Kediaman
- v. *Strategic Development With Sustainable Model (To Be Proposed After Hepa Workshop)*
- vi. Penguatkuasaan Dasar Hepa Berkaitan Penginapan Pelajar
- vii. Tambahan Kolej Siswi

Manakala terdapat strategi-strategi lain yang telah dilakukan oleh pihak UNIMAS dalam usaha meningkatkan kapasiti pelajar di kolej kediaman.

Berikut antara strategi-strategi yang telah dilakukan:


- i. Proses tempahan kolej yang dipermudahkan
- ii. Peraturan merit untuk penginapan kolej dibuat semakan semula
- iii. Susun atur di dalam kolej kediaman untuk keselesaan pelajar
- iv. Penambahbaikan dari segi kemudahan lain seperti wifi, kafeteria serta kemudahan berkaitan
- v. Meningkatkan program aktiviti riadah pelajar di kolej kediaman untuk memupuk konsep kediaman yang holistik

Pengisian kapasiti telah menampakkan peningkatan drastik mulai tahun 2022 setelah tiga (3) tahun strategi dimulakan pada tahun 2018. Ini dapat ditunjukkan dalam Gambar Rajah E iaitu bermula daripada tahun 2019 sehinggalah tahun 2023 telah menunjukkan trend peningkatan jumlah kapasiti boleh huni kolej kediaman dalam UNIMAS kesan daripada kepelbagaian strategi yang dilaksanakan.



Gambar Rajah E: Bilangan Kapasiti Penuh Boleh Huni (Bilangan Pelajar)

Kesan daripada strategi ini jelas menunjukkan bahawa terdapat trend peningkatan dalam jumlah kapasiti yang dapat dihuni oleh pelajar di kolej kediaman unimas dan dalam masa yang sama telah membantu UNIMAS meningkatkan pendapatan Universiti.



Gambar Rajah F: Unjuran Jumlah Pendapatan Daripada Yuran Penginapan Kolej Kediaman Di UNIMAS Dari Tahun 2018 - 2023

Gambar Rajah F jelas menunjukkan bahawa jumlah penjanaaan pendapatan yang diperolehi oleh UNIMAS hasil daripada kutipan yuran penginapan pelajar adalah meningkat daripada tahun 2021 sehingga 2023. Walaupun trend penurunan ditunjukkan daripada tahun 2018 sehingga ke tahun 2021 adalah disebabkan pelajar tidak menginap di kampus semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun selepas strategi peningkatan kapasiti yang dilaksanakan oleh pihak UNIMAS telah menyebabkan jumlah penjanaaan pendapatan daripada kutipan yuran penginapan pelajar telah mengalami peningkatan yang drastik dan tertinggi pada tahun 2023.

6.0 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa pihak UNIMAS telah melaksanakan pelbagai strategi dan usaha bagi meningkatkan kapasiti bilik kediaman pelajar di semua Kolej Kediaman Pelajar di UNIMAS daripada tahun 2018 sehinggalah 2023. Ini termasuklah strategi penyelenggaraan utiliti, perkhidmatan, bekalan, sivil dan mekanikal dan elektrik di semua kolej kediaman. Kesan daripada strategi ini jelas menunjukkan bahawa terdapat trend peningkatan dalam jumlah kapasiti yang dapat dihuni oleh pelajar di kolej kediaman UNIMAS dan pada masa yang sama telah membantu UNIMAS meningkatkan sumber pendapatannya.

Ucapan Penghargaan

Kumpulan penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Penginapan Mahasiswa, Pusat Khidmat Pelajar dan Pejabat Bendahari Universiti Malaysia Sarawak kerana telah membantu membekalkan data-data berkaitan bagi menyempurnakan kertas kerja penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada Yang berbahagia Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sarawak atas sokongan dan dorongan beliau sepanjang proses penghasilan kertas kerja penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Bashir, S., Sarki, I. H., & Samidi, J. (2012). Students' perception on the Service Quality of Malaysian Universities' Hostel Accomodotion. *International Journal of Business and Social Science*, 3(15), 213–222.
- Farhi, H., & Saudi, M. (2019). Enhancing University Income Generation Alternative Revenue Resources for the University a Case Study in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). In *Journal of Human Development and Communication* (Vol. 8).
- Shafie, A. R., Mohamad, S., Mohd Isa, M. I., & Derani, D. (2014). Penjanaan Pendapatan melalui Fasiliti dan Perkhidmatan Kolej Kediaman. *Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2014*, 190–196

LAPORAN PEMERKASAAN KERTAS KERJA UNIMAS: PRASARANA, PERKHIDMATAN
DAN KELESTARIAN KEWANGAN

e ISBN 978-967-0054-87-2



9 789670 005487 2

UNIMAS PUBLISHER

(online)